

## Penularan COVID-19



Anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat membuat persiapan bagi proses sanitasi nyah cemar di sekitar persiaran Batu Nilam, Bukit Tinggi, Klang, semalam.

(Foto Muhd Asyraf Sawal/BH)



Anggota bomba membuat semburan sanitasi di Seksyen 16, Shah Alam, semalam.

(Foto BERNAMA)

# 8 APRIL 2020 | BERITA HARIAN | P. 7

# Semua Zon Merah sudah dinyah cemar

666 operasi sanitasi dilaksanakan di seluruh negara

**Kuala Lumpur:** Semua kawasan Zon Merah sudah dilaksanakan proses sanitasi nyah cemar dalam usaha membendung penularan wabak COVID-19.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, berkata setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) sudah melaksanakan 666 operasi nyah di 79 zon.

"Semalam, sebanyak 102 operasi sanitasi merangkumi 48 zon di 13 negeri termasuk 32 di Johor dan 14 di Kuala Lumpur sudah dilaksanakan operasi nyah cemar.

"Setakat hari ini (semalam) juga, semua Zon Merah sudah dinyah cemar," katanya pada sidang media Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkennaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Putrajaya di sini, semalam.

Ismail Sabri berkata, kawasan lain yang sudah dinyah cemar adalah 514 bangunan kerajaan dan 17 projek perumahan rakyat (PPR) membatikan 24,077 unit kediaman.

Beliau berkata, setakat kelmarin, sebanyak 122 pusat kuarantin beroperasi yang mana seramai 7,500 individu sedang menjalani proses kuarantin wajib.

"Ada peningkatan dari segi pusat kuarantin yang dibuka dan semalam (kelmarin), seramai 233 rakyat Malaysia yang pulang ke tanah air dari luar negara dikuarantin secara wajib," katanya.

Di Kuantan, sebanyak 254 kawasan di 11 kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) sudah me-

## Jumlah tabung diumum hari ini

**Kuala Lumpur:** Jumlah terkini tabung COVID-19 dan bentuk agihan wang kutipan itu akan diumumkan hari ini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, berkata beliau juga akan membuat pengumuman mengenai proses pegedaran topeng muka kepada rakyat secara percuma.

"Esok (hari ini), saya akan umum jumlah kutipan tabung dan pelaksanaannya. Juga akan diumumkan mengenai proses pegedaran topeng muka yang dijanjikan kerajaan untuk diberi percuma kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Mesyuarat Khas Menteri-Menteri Berkennaan Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Putrajaya, semalam.

laksanakan program sanitasi awam bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19 di Panhang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Abd Rahim Muda, berkata antara kawasan terbabat termasuk pasar awam, terminal bas, masjid, pondok bas, taman awam dan tandas awam yang menjadi tumpuan ramai.

Katanya, semua pasar awam di negeri itu juga melaksanakan operasi nyah cemar setiap hari selepas operasi pasar ditutup kepada orang ramai pada jam 12 tengah hari.

Di Banting, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Mohamad Zain A Hamid, berkata kerja semburan sanitasi awam di sekitar daerah itu ber�antung kepada keperluan dan arahan semasa pihak berkuasa.

Katanya, operasi sanitasi awam

membabitkan jalan dan tempat awam terbuka, laluan pejalan kakinya, jelantas, stesen bas dan gerai makanan.

"Semburan yang digunakan juga selamat dan tidak memberi kesan kepada kesihatan awam," katanya menerusi satu kenyataan, di sini semalam.

Di Jasin, Jabatan Kesihatan Melaka bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat melakukan semburan nyah cemar ke atas keseluruhan bangunan madrasah di Kampung Ayer Merbau, dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Antifadah negeri, Rahmad Mariman, berkata langkah itu dibuat selepas 20 pelajar serta guru madrasah berkennaan disahkan positif COVID-19.

Di Kuching, Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Sarawak, Tiong Ling Hii, berkata pihaknya melaksanakan sebanyak 59 program sanitasi awam



Bas yang digunakan untuk mengambil penumpang penerangan baru tiba dari Kuching, semalam turut dinyah cemar.



Operasi sanitasi awam sekitar gerai di Bukit Pantai, Kuala Lumpur yang dikategorikan Zon Merah wabak.

(Foto Hairul Anuar Rahim /BH)

nitasi awam sejak 30 Mac lalu hingga petang kelmarin.

Katanya, pihaknya memerlukan lebih banyak peralatan perlindungan peribadi (PPE) untuk keperluan anggotanya yang bertugas di barisan hadapan yang berbabit dalam program sanitasi awam.

"Terbaru, kami mendapat permintaan daripada Jabatan Penjara yang memohon bantuan melaksanakan operasi nyah cemar di semua penjara. Terdapat enam penjara di seluruh negeri ini iaitu di Puncak Borneo, Sri Aman, Sibu, Bintulu, Miri dan Limbang," katanya.